

19 Jun 2009 (Jumaat)

Agensi, jabatan perlu kemas kini laman web setiap masa

KOTA KINABALU 19 Jun - Agensi dan jabatan kerajaan perlu memastikan laman web rasmi dikemas kini setiap masa bagi kemudahan orang ramai. Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat negeri, Datuk Dr. Yee Moh Chai berkata, selain maklumat yang lengkap, laman web itu juga perlu bersifat interaktif. "Dengan cara ini ia boleh menarik orang ramai untuk mengunjungi laman web rasmi kerajaan serta memudahkan mereka mencari maklumat penting mengenai kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada perasmian Seminar Pembangunan Teknologi dan Multimedia Dalam Sektor Awam di sini hari ini. Moh Chai berkata, kandungan dalam laman web rasmi kerajaan perlu dilengkapi dengan maklumat terkini bagi mengelak orang ramai mendapat maklumat yang salah. Ini katanya, boleh menimbulkan kesulitan kepada orang ramai dan agensi itu sendiri. "Pada masa ini kebanyakan sistem penyampaian maklumat kerajaan dilakukan menerusi laman web rasmi kerajaan kerana hari ini, di mana-mana pun orang ramai bercakap mengenai teknologi maklumat," ujarinya.

Dalam pada itu, Moh Chai berkata, kerajaan juga akan memastikan penduduk luar bandar negeri ini mendapat manfaat daripada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Katanya, program-program ICT akan terus dikembangkan ke luar bandar negeri ini sebagai pendedahan kepada penduduk di kawasan itu. Mengenai seminar berkenaan, Moh Chai berkata, kakitangan kerajaan wajar mempersiapkan diri dengan ilmu ICT. "Pengetahuan dalam ICT akan membolehkan kakitangan kerajaan memperbaiki tahap dan prestasi kerja mereka setanding dengan sektor swasta," ujarinya.

21 Jun 2009 (Ahad)

Jangan naikkan pangkat perokok

Oleh HAKIMI ISMAIL pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 21 Jun - Semua pengusaha pasar raya di negara ini disaran tidak menaikkan pangkat pekerja-pekerja yang didapati mengamalkan tabiat merokok. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk M. Saravanan berkata, pengusaha juga digalakkan tidak memberi insentif tahunan kepada pekerja yang merokok dan seterusnya mengambil pekerja tidak merokok sahaja.

Beliau berkata, beberapa langkah drastik itu diyakini mampu mewujudkan kesedaran kepada semua pekerja pasar raya supaya berhenti merokok sekali gus menjadi contoh kepada pelanggan supaya tidak merokok. "Kita tidak mahu hanya orang awam sahaja yang tidak merokok sedangkan pekerja mereka merokok di kawasan medan selera, tandas dan di tepi-tepi tembok. "Sebelum kita mengadakan kempen untuk orang ramai, rasanya elok kita mengadakan kempen untuk para pekerja terlebih dahulu dan menjadi ikutan kepada pasar raya lain," katanya.

Beliau berucap merasmikan program Bebas Asap Rokok di pasar raya Jusco AU2 Setiawangsa selama dua hari di sini hari ini. Hadir sama Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Dr. Ismail Abu Taat. Dalam perkembangan berkaitan, Saravanan berkata, sebanyak 650 juta perokok di seluruh dunia mati akibat merokok setiap tahun dan ia amat membimbangkan. Katanya di negara ini, dianggarkan 4.6 juta orang menghisap kira-kira 33 juta batang rokok sehari dan membelanjakan sejumlah RM8.59 juta sehari untuk membeli rokok.

22 Jun 2009 (Isnin)

44,736 projek bernilai RM4.2b ditawarkan untuk dilaksanakan

KUALA LUMPUR 22 Jun — Sejumlah 44,736 projek bernilai RM4.2 bilion telah ditawarkan untuk dilaksanakan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama sehingga 12 Jun ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Beliau berkata sebanyak 13,365 projek bernilai RM1.5 bilion pula telah disiapkan, melibatkan projek kecil seperti menaik taraf dan membaiki pulih jalan luar bandar, jambatan, sekolah dan hospital.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, sejumlah 8,981 projek bernilai RM4.3 bilion telah ditawarkan dalam tempoh yang sama. "Daripada jumlah ini, sebanyak 545 projek bernilai RM1.3 bilion telah disiapkan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Lip Eng (DAP-Segambut) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Lim bertanyakan peratusan unjuran penguncupan ekonomi negara pada akhir tahun ini dan ingin tahu mengapa masih ada penguncupan sedangkan lebih RM60 bilion dalam Pakej Rangsangan Ekonomi telah diperuntukkan. Najib berkata sehingga kini, sejumlah RM6.8 bilion daripada RM7 bilion dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama telah disalurkan kepada kementerian dan agensi pelaksana.

Beliau berkata inisiatif kerajaan untuk memulihkan ekonomi telah dapat memberi keyakinan kepada para pelabur, terutama dalam pasaran ekuiti. "Ini jelas dilihat apabila Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mencatatkan peningkatan ketara sejak Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua diumumkan, dengan KLCI melonjak sehingga 1,070 mata pada 8 Jun berbanding 855 mata pada 10 Mac," katanya.

Beliau berkata dengan terlaksananya lebih banyak projek dalam pakej rangsangan, dijangka akan memberi kesan positif yang lebih ketara ke atas ekonomi negara dalam separuh kedua tahun 2009. "Kerajaan yakin bahawa melalui strategi dan langkah yang telah dirancang dalam kedua-dua pakej rangsangan yang komprehensif dan menyeluruh ini, akan dapat meminimumkan impak kemelesetan ekonomi dunia terhadap ekonomi domestik serta dapat memastikan kesejahteraan rakyat," katanya.

Najib berkata kerajaan akan terus memantau pelaksanaan pakej rangsangan ini dengan rapi bagi memastikan ia dilakukan dengan pantas dan berkesan serta pelaksanaannya memberi pulangan wang yang sepadan. Sementara itu, kepada soalan lain Najib berkata adalah terlalu awal bagi kerajaan untuk menyatakan sama ada syarat ekuiti Bumiputera akan dinaikkan dalam sektor lain bagi mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera, setelah syarat ekuiti Bumiputera dikecualikan dalam 27 subsektor perkhidmatan baru-baru ini.

"Syarat ekuiti ini bukanlah merupakan instrumen tunggal untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera kerana terdapat pelbagai program yang membantu ke arah peningkatan pemilikan ekuiti Bumiputera, dan program tersebut akan terus dilaksanakan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Teo Nie Ching (DAP-Serdang). Teo ingin tahu sama ada kerajaan akan menaikkan syarat ekuiti pegangan Bumiputera dalam sektor lain setelah 27 sektor industri dikecualikan daripada syarat 30 peratus tersebut.

22 Jun 2009 (Isnin)

13,365 projek pakej rangsangan sudah siap

KUALA LUMPUR 22 Jun - Perdana Menteri berkata, sebanyak 13,365 projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama telah disiapkan terutama yang melibatkan projek-projek kecil seperti menaik taraf, membaiki pulih jalan luar bandar, jambatan, sekolah dan hospital dengan nilai keseluruhannya berjumlah RM500 juta. Menurut Datuk Seri Najib Tun Razak, jumlah projek itu merupakan sebahagian daripada 44,736 projek yang bernilai RM4.2 bilion yang telah ditawarkan oleh kerajaan untuk dilaksanakan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama sehingga 12 Jun lalu. Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pula, sejumlah 8,981 projek bernilai RM4.3 bilion telah ditawarkan dalam tempoh yang sama. "Daripada jumlah itu sebanyak 545 projek bernilai RM1.3 bilion telah disiapkan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan **Lim Lip Eng (DAP-Segambut)** pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Menurut Najib, setakat ini sejumlah RM6.8 bilion daripada RM7 bilion yang terdapat dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama telah disalurkan kepada kementerian dan agensi pelaksana. Beliau menjelaskan, pakej rangsangan itu merupakan pakej yang komprehensif dan turut mengambil kira usaha mengurangkan beban rakyat dalam mengharungi kemelesetan ekonomi. Katanya, inisiatif kerajaan untuk memulihkan ekonomi telah dapat

memberi keyakinan kepada para pelabur terutama dalam pasaran ekuiti. "Ia jelas dilihat apabila Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) telah melonjak sehingga 1,070 mata pada 8 Jun lalu berbanding 855 mata pada 10 Mac lalu. "Dengan terlaksananya lebih banyak projek di bawah pakej rangsangan itu, ia dijangka memberi kesan positif yang lebih ketara ke atas ekonomi negara dalam separuh kedua tahun 2009," kata beliau.

Najib berkata, kerajaan yakin melalui strategi dan langkah yang dirangka dalam kedua-dua pakej rangsangan itu akan dapat meminimumkan impak kemelesetan ekonomi dunia terhadap ekonomi domestik. Jelas beliau, kerajaan akan terus memantau pelaksanaan pakej rangsangan tersebut dengan rapi bagi memastikan ia dilakukan dengan pantas dan berkesan serta pelaksanaannya memberi pulangan wang yang sepadan.

22 Jun 2009 (Isnin)

Pangkalan kapal selam siap 31 Julai

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN utusanabah@utusan.com.my



Shaziman Abu Mansor diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri ADUN Karambunai, Jainab Ahmad (kiri) dan Ketua Penolong Pengarah Kanan JKR, Ir. Abdul Alam Mat Yusoff (tengah) meninjau dengan lebih dekat dermaga kapal selam di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, semalam.

KOTA KINABALU 22 Jun - Pembinaan markas dan dermaga yang bakal menempatkan kapal selam pertama negara di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Sepanggar dijangka siap sepenuhnya sebelum 31 Julai ini. Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, pangkalan yang mula dibina pada Februari 2007 itu akan diserahkan secara rasmi kepada TLDM pada akhir Ogos ini. Katanya, pada masa ini pembinaan projek di kawasan seluas 129 hektar yang menelan belanja kira-kira RM420 juta itu kini di peringkat akhir pembinaan. "Kemajuan projek nasional ini telah siap 97 peratus, sebenarnya kita di peringkat terakhir iaitu peringkat ujian. Kita tidak mahu ada masalah bila kapal selam tiba," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke tapak projek kapal selam pertama negara di Pangkalan TLDM Sepanggar dekat sini hari ini. Turut hadir Panglima Wilayah Laut Dua, Laksamana Pertama Syed Zahiruddin Putra Syed Osman dan Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur negeri, Datuk Japlin Akim. Menurut

Shaziman berdasarkan pemerhatian awal pihaknya, pembinaan dermaga tersebut berjalan lancar tanpa menghadapi sebarang masalah besar.

Bagaimanapun, katanya, beliau telah mengarahkan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) membuat pemantauan dan penilaian secara berulang dan berterusan bagi memastikan pangkalan itu berada di tahap terbaik. Dalam pada itu, katanya, 70 peratus tenaga kerja yang digunakan untuk menyiapkan projek tersebut merupakan rakyat Malaysia selain pekerja asing dari Indonesia dan Filipina.

"Saya dimaklumkan bahawa projek ini dapat dilaksanakan dengan keadaan yang baik. Majoriti pekerjaanya rakyat Malaysia dan dalam masa-masa puncak jumlah pekerja sampai ke 900 hingga 1,000 orang. "Lebih membanggakan banyak bahagian pembinaan mereka guna Sistem Binaan Berindustri (IBS) sebagaimana yang kita cadangkan bagi meningkatkan lagi kualiti industri pembinaan selain tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing," katanya.

Katanya, dermaga ini menggunakan teknologi terkini dalam pembinaan jeti konkrit terapung bersifat mesra alam dan mampu berfungsi sebagai pemecah ombak yang berkesan. Sementara itu di Kuala Lumpur, sidang Dewan Rakyat diberitahu, kerajaan membelanjakan sebanyak RM5.29 bilion bagi membiayai pembelian dua buah kapal selam jenis Scorpene yang dibina di Perancis dan Sepanyol iaitu masing-masing KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Razak.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan juga bercadang untuk mewujudkan tempoh kontrak senggara bagi kedua-dua kapal selam tersebut selama enam tahun dengan syarikat Boustead DCNS Naval Corporation Sdn. Bhd. "Syarikat itu adalah usahasama antara syarikat tempatan iaitu BHIC Defence Technologies Sdn. Bhd dan syarikat dari Perancis, DCNS S.A," katanya dalam jawapan bertulis bagi menjawab soalan Lim Lip Eng (DAP-Segambut).

Lip Eng meminta Kementerian Pertahanan menyatakan kos pembelian submarine KD Tuanku Abdul Rahman, tempoh kontrak memelihara submarine itu dan siapakah syarikat yang diberi kontrak tersebut. Mengenai nilai kontrak senggara, Ahmad Zahid berkata, ia akan ditetapkan setelah rundingan skop kerja dan harga selesai dilaksanakan.

22 Jun 2009 (Isnin)

Sabah perlu RM630j baik pulih jalan cerun

KOTA KINABALU 22 Jun - Sebanyak RM630 juta diperlukan bagi membaik pulih jalan-jalan di kawasan cerun di negeri ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, peruntukan itu diperlukan bagi membaik pulih kira-kira 130 kawasan jalan cerun di seluruh negeri ini yang kini mengalami

kerosakan. "Semalam saya berbincang dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dan antara perkara untuk pembangunan Sabah yang kita pertimbangkan ialah jalan yang menghubungkan antara bandar dan bandar serta jalan-jalan yang ada kesan kepada ekonomi seperti pertanian dan pelancongan. "Ini sektor yang kita pertimbangkan dan kita juga hendak memberi keutamaan kepada semua jalan-jalan cerun yang runtuh di Sabah ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke tapak projek kapal selam pertama negara di Pangkalan TLDM Sepanggar dekat sini hari ini. Turut hadir Panglima Wilayah Laut Dua, Laksamana Pertama Syed Zahiruddin Putra Syed Osman dan Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur negeri, Datuk Japlin Akim. Menurut Shaziman, kerajaan akan memberi keutamaan kepada Sabah bagi meningkatkan pembangunan jalan raya dan pembinaan jambatan yang amat diperlukan rakyat negeri ini. Katanya, langkah itu penting bukan saja untuk kemudahan penduduk tetapi bagi meningkatkan lagi ekonomi negeri.

Sementara itu katanya, beliau juga telah meminta JKR mencari kaedah terbaik membina jalan raya yang dapat bertahan dalam jangka masa panjang di negeri ini. "Kita sudah berbincang dengan JKR Sabah supaya mendapatkan perunding untuk mencari jalan atau kaedah terbaik membuat jalan di Sabah, kerana dalam setiap Rancangan Malaysia kita harus peruntuk sejumlah wang untuk membaiki pulih jalan," ujarinya.

22 Jun 2009 (Isnin)

Tindakan terhadap penyeleweng

PUTRAJAYA 22 Jun - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyenaraihitamkan pembekal yang melakukan penyelewengan dalam projek kontrak ladang sehingga menyebabkan kerugian kepada petani. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Johari Baharom berkata, antara bentuk penyelewengan yang dilakukan ialah membekalkan baja tidak berkualiti kepada petani sedangkan mereka memperoleh baja berkualiti daripada Jabatan Pertanian.

Menurutnya, terdapat juga kes petani yang mengusahakan projek tanaman serai menerusi projek tersebut terpaksa menanggung kerugian apabila pembekal yang sepatutnya membeli hasil tanaman menghilangkan diri. "Jika tidak dibendung kita terpaksa menanggung kerugian besar memandangkan menerusi Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara, kerajaan memperuntukan RM3 bilion bagi menjayakannya. "Ia bertujuan meningkatkan keluaran hasil pertanian negara agar bila berlaku krisis makanan dunia, negara tidak terjejas kerana mempunyai bekalan mencukupi," katanya. Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 116 kakitangan kementerian di sini hari ini.

22 Jun 2009 (Isnin)

MBPJ dinasihat jangan bazir duit

PETALING JAYA 22 Jun - Persatuan Penduduk Seksyen 5, Petaling Jaya mempersoalkan kewajaran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membina semula laluan pejalan kaki di sepanjang Jalan Gasing di sini. Presiden Persatuan Penduduk Seksyen 5, Johan Tung Abdullah berkata, tindakan MBPJ menukar permukaan laluan tersebut adalah membazir kerana permukaan sedia ada masih dalam keadaan yang baik. "Saya mendapat maklumat bahawa kos projek yang siap dilakukan pada penghujung tahun lalu itu mencecah sehingga RM1.2 juta. "Apa rasionalnya laluan itu diganti dengan yang baru jika laluan yang lama masih dalam keadaan yang baik," ujarinya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata, apa yang penduduk semakin tidak berpuas hati ialah tidak sampai tujuh bulan laluan tersebut disiapkan, pihak MBPJ sekali lagi melakukan satu perubahan dengan memotong laluan baru tersebut. Katanya, kali ini ia bertujuan untuk memasang sejenis jubin khas untuk kegunaan pejalan kaki dari kalangan orang yang cacat penglihatan. "Bukan hendak menidakkan kepentingan untuk golongan itu tetapi pada kami, perancangan dan pengurusan MBPJ adalah lemah menyebabkan banyak wang dibazirkan. "Kenapa setelah melabur wang yang banyak dan struktur laluan yang baru telah siap, baru terfikir untuk laluan orang yang cacat penglihatan," tambahnya lagi.

Johan juga percaya proses penambahan laluan khas tersebut juga melibatkan kos ratusan ribu ringgit. Tinjauan wartawan *Utusan Malaysia*, mendapati kerja-kerja penambahbaikan sedang dijalankan termasuklah memotong bahagian tengah laluan baru tersebut dan pemasangan jubin-jubin khas untuk orang cacat penglihatan. Sementara itu, Timbalan Presiden persatuan itu, Rafiq Fazaldin berkata, MBPJ sepatutnya merancang dengan teliti terlebih dahulu sebelum memulakan projek berkenaan. "Seharusnya wang MBPJ yang diperoleh daripada rakyat itu perlu dibelanjakan secara berhemah. "Banyak lagi keperluan rakyat yang boleh disediakan oleh MBPJ dengan wang tersebut seperti tempat letak kereta, kerja-kerja membaiki longkang atau pembersihan sampah," katanya.

Malah, katanya, pemasangan lampu isyarat juga boleh dibuat di kawasan itu kerana ia dilihat sebagai satu kemudahan yang penting di beberapa lokasi di Seksyen 5. Ini kerana terdapat banyak persimpangan yang menghubungkan kawasan perumahan itu dan jalan raya manakala bilangan kereta yang menggunakan laluan itu juga agak tinggi. "Kesesakan lalu lintas boleh berlaku dan kemalangan jika tiada lampu isyarat diletakkan juga ada kemungkinan untuk berlaku. "Kami berharap agar MBPJ dapat mengambil serius terhadap soal perancangan kemudahan awam supaya wang rakyat tidak dibazirkan," katanya lagi.

22 Jun 2009 (Isnin)

Parlimen - Kos PKFZ RM12 bilion hanya andaian

KUALA LUMPUR 22 Jun - Angka RM12 bilion yang didakwa pembangkang sebagai pembaziran dana awam dalam pembinaan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) merupakan anggaran PricewaterhouseCoopers yang perlu dibayar kepada kerajaan jika berlaku penangguhan pembayaran balik oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat menjelaskan, angka itu juga merangkumi kos faedah tambahan sebanyak RM5 bilion supaya ia berpadanan dengan unjuran aliran wang tunai LPK menjelang tahun 2051. Menurutnya, angka RM12 bilion itu dibuat berikutan andaian tiadanya sebarang intervensi kerajaan atau tindakan LPK untuk mempromosikan, bahkan menjadikannya berdaya maju. "Bagaimanapun, ekoran tindakan tegas dan menyeluruh yang diambil oleh kementerian dan LPK, maka hampalah pihak-pihak yang cuba memutarbelitkan angka yang kononnya hutang PKFZ dan juga ada yang menyatakan ia telah meningkat kepada RM12.5 bilion," katanya.

Beliau menjawab soalan **Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur)** yang mendakwa kerajaan enggan mendedahkan laporan PKFZ ekoran bimbang ia akan memperlihatkan kelemahan kerajaan pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini. Tee Keat berkata, kerajaan telah mendedahkan laporan semakan kedudukan PKFZ yang disediakan oleh PricewaterCoopers pada 28 Mei lalu.

Beliau menjelaskan, seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, ia tidak dapat didedahkan awal ekoran terdapat pembatalan kerahsiaan dokumen-dokumen tertentu. Dalam pada itu, Tee Keat ketika menjawab soalan tambahan Kit Siang menjelaskan, kerajaan sentiasa bersikap telus dan tidak menyembunyikan apa-apa laporan seperti yang digembar-gemburkan oleh pihak tertentu.

"Sebaliknya, tindakan kerajaan itu dibuktikan telus apabila setakat ini semakin ramai pelabur yang menghubungi pihak PKFZ dan LPK bagi merebut peluang melabur di sana," jelas beliau. Mengulas lanjut, Tee Keat memberitahu, kos projek PKFZ setakat ini masih belum dimuktamadkan lagi kerana akaun bagi kerja-kerja pembangunan yang telah siap masih belum ditutup.

Beliau menjelaskan, kos pembangunan PKFZ yang merangkumi kos faedah bayaran tertanggung kepada kontraktornya Kuala Dimensi Sdn. Bhd. ialah sebanyak RM4.947 bilion menjelang 2017. Ia berikutan, katanya, LPK tidak mempunyai dana kewangan yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kewangan kepada Kuala Dimensi yang sebenarnya telah mendapat pinjaman mudah sejumlah RM4.382 bilion pada 2007 untuk tempoh 20 tahun daripada kerajaan. Tambah beliau, jika mengambil kira pinjaman mudah kerajaan, kos PKFZ akan menjadi sebanyak RM7.453 bilion menjelang 2036.

23 Jun 2009 (Selasa)

Industri biotek diunjur jana pendapatan RM45 bilion

KUALA LUMPUR 23 Jun — Industri bioteknologi Malaysia diunjur menjana pendapatan bernilai RM45 bilion menjelang 2013, demikian menurut firma penyelidikan global Frost & Sullivan. "Frost & Sullivan meramalkan yang industri bioteknologi di Malaysia akan berkembang berasaskan pendapatan pada kadar purata 15 peratus setahun," kata firma itu dalam Laporan Pembangunan Sumber Insan 2009. Pertumbuhan paling tinggi akan dialami oleh sektor penjagaan kesihatan dengan kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (CAGR) sebanyak 20 peratus, dirangsang oleh trend dalam industri penjagaan kesihatan dan permintaan untuk terapi bioteknologi (ubat-ubatan dan vaksin) dan diagnostik, kata laporan itu.

Ini akan diikuti oleh pertanian dengan 15 peratus dan perindustrian 10 peratus berdasarkan kepada pertumbuhan rancak yang akan dialami oleh sektor pertanian dalam tempoh lima tahun ini serta permintaan yang kian meningkat untuk biofuel, pemprosesan dan bahan. Laporan itu dibentangkan di sini hari ini oleh perunding kanan amalan penjagaan kesihatan Frost & Sullivan Asia Pasifik, Dr. Pawel Suwinski dan dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), Datuk Iskandar Mizal Mahmood. - Bernama

23 Jun 2009 (Selasa)

Atasi tangkap ikan secara haram

TENOM 23 Jun - Kegiatan menangkap ikan secara haram dan aktiviti pembalakan tidak terkawal di Sungai Padas dan Pegalan dekat sini perlu dihentikan segera bagi menyelamatkan sungai itu daripada terus tercemar. Bekas Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Ponontomon, **Ongok Talasau** berkata, keadaan tersebut menyebabkan hidupan di sungai itu seperti udang dan ikan semakin susah diperoleh.

"Sejak aktiviti pembalakan secara tidak terkawal yang bermula sekitar tahun 70-an, kini penduduk setempat semakin susah untuk menemui udang atau beberapa jenis ikan tertentu. "Selain itu, kegiatan menangkap ikan menggunakan renjatan elektrik juga menjadi penyebab kepada berkurangnya hidupan air di dua batang sungai tersebut," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Katanya, satu ketika dahulu, dua sungai berkenaan menjadi sumber rezeki kepada penduduk berdekatan tetapi kini hasil tangkapan tidak lagi lumayan seperti mana sebelumnya. Berikutan itu katanya, harga ikan dari sungai tersebut seperti baung kini mencecah RM17 untuk satu kilogram (1kg) berbanding RM12 sebelum ini. Sementara ikan lain katanya, yang dikenali penduduk setempat sebagai 'badus' meningkat daripada RM12 kepada RM16 (1kg) manakala ikan salap daripada RM14 menjadi RM18 (1kg).

Tasalau mendakwa, aktiviti pembalakan secara tidak sistematik juga menyebabkan sungai itu semakin cetek sehingga kerap kali menimbulkan ancaman banjir apabila musim tengkujuh. "Dua sungai itu bukan lagi menjadi sumber rezeki bagi penduduk berdekatan, tetapi penyebab berlakunya bencana alam seperti banjir yang akan merosakkan tanaman dan harta benda,". Sehubungan itu katanya, pihak bertanggungjawab perlu memantau perkembangan di sungai berkenaan yang sekarang ini dilihat terlepas pandang atau tidak disedari keadaannya.

23 Jun 2009 (Selasa)

Parlimen - PAC tidak menolak kemungkinan panggil Peguam Negara

KUALA LUMPUR 23 Jun - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak menolak kemungkinan akan memanggil Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail bagi memberi keterangan berhubung penyelewengan yang didakwa berlaku dalam Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Timbalan Pengerusi PAC, Dr. Tan Seng Giaw berkata, keputusan itu akan diputuskan dalam mesyuarat PAC minggu hadapan sama ada Abdul Gani perlu dipanggil atau sebaliknya. Menurut beliau, keterangan Peguam Negara amat diperlukan bagi mengesahkan mengenai nasihat perundangan yang diberikan kepada Kabinet pada masa itu supaya pengambilan tanah di Pulau Indah, Selangor dilakukan mengikut Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah (APT). "Kita perlu tahu apakah bentuk nasihat perundangan yang diberikan oleh beliau dan mengapa nasihat beliau tidak diambil kira oleh pihak berkaitan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di lobi Parlimen di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai siasatan PAC hari ini yang memanggil Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Ahmad Said Hamdan dan Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Mohd. Shukri Abdull selama kira-kira dua jam yang bermula pada pukul 11.45 pagi ini di bangunan Parlimen hari ini. Seng Giaw berkata, PAC masih menjalankan siasatan lanjut berhubung beberapa perkara berbangkit mengenai isu PKFZ itu, antaranya ialah:

l Pembelian tanah oleh PKFZ dengan harga tinggi melebihi harga pasaran

l Tidak menggunakan Seksyen 4 APT dalam urusan pengambilan tanah di Pulau Indah, Selangor.

l Penglibatan beberapa individu tertentu dalam isu PKFZ

Sementara itu, beliau berkata, PAC mempunyai beberapa kekangan dalam usaha memanggil beberapa individu bagi memberi keterangan untuk melancarkan siasatan. "Kita bukannya sebuah suruhanjaya diraja yang boleh memanggil sesiapa sahaja untuk memberi keterangan, kita hanya terhad kepada mereka yang masih dalam perkhidmatan sahaja," katanya.

23 Jun 2009 (Selasa)

Ekonomi - MIDA dalam peringkat akhir runding projek bernilai ringgit

KUALA LUMPUR 23 Jun - Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) kini dalam peringkat akhir perundingan dengan beberapa pihak asing berhubung dua projek bernilai bernilai ringgit, yang mungkin dapat merangsangkan pelaburan asing langsung (FDI) negara dalam bulan-bulan mendatang. Ketua Pengarahnya, Datuk Jalilah Baba berkata, projek-projek itu ialah dalam industri berkaitan tenaga alternatif dan logam.

Beliau berkata, perundingan itu yang telah berlangsung selama setahun, ialah dengan pihak-pihak dari Eropah dan Asia Tenggara. Jalilah yang mengetuai pasukan perundingan berkata, satu pihak telah meninjau tapak projek di Semenanjung dan satu lagi di Sabah dan Sarawak.

Beliau, bagaimanapun, enggan mengulas mengenai jumlah yang terbabit. "Kita sedang memuktamadkan tawaran yang ditawarkan kepada mereka dan menyelesaikan perundingan dalam tempoh dua bulan ini. Biasanya, kita memberikan mereka tiga bulan untuk menjawab semula," kata beliau kepada pemberita selepas persidangan bersama untuk wakil sebarang laut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, MIDA dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) di sini hari ini.

Jalilah berkata, jika berjaya, pelaburan mereka ini boleh disaksikan dalam FDI pada bulan Ogos. Jumlah pelaburan dalam negara dari Januari hingga April tahun ini berjumlah RM8.8 bilion. Daripada jumlah itu, RM3.9 bilion ialah dari FDI dan selebihnya domestik. Ia masih jauh dari sasaran tahun ini iaitu RM26 bilion.

Beliau berkata, FDI sehingga April tidak begitu memberangsangkan berikutan kegagalan beberapa syarikat mendapatkan pinjaman dari negara masing-masing. "Kita kini sedang mencuba memadankan mereka dengan institusi kewangan tempatan. Dua projek besar telahpun mendapat bantuan kewangan," kata beliau. Jalilah, bagaimanapun berkata, keputusan akhir mereka akan bergantung kepada insentif dan kemudahan sokongan yang boleh Malaysia tawarkan. - BERNAMA

23 Jun 2009 (Selasa)

FRIM tidak wajar diletakkan di bawah MTIB

KUALA LUMPUR 23 Jun - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) tidak wajar diletakkan di bawah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) kerana fungsi dan skop tugasnya tidak sama. Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod berkata, institut itu mempunyai skop, fungsi serta tanggungjawab jauh lebih luas untuk diletakkan di bawah MTIB.

"FRIM yang dahulunya dikenali sebagai Forest Research Institute (FRI) ditubuhkan lebih 100 tahun dalam melaksanakan pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). "Ia merupakan kajian hulu dan hiliran sektor perhutanan termasuk industri perkayuan manakala, MTIB hanya memfokuskan kepada pemasaran produk kayu-kayan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainuddin mengenai FRIM yang perlu diletakkan di bawah MTIB, baru-baru ini. Abdul Latif berkata, fungsi dan peranan FRIM telah berkembang dari penyelidikan industri perkayuan hingga penjagaan alam sekitar, kepelbagaian biodiversiti dan perubahan iklim.

Selain itu, FRIM juga mencetus penjanaan sumber ekonomi baru melalui R&D dalam bidang ekopelancongan, penemuan bahan ubatan dan bioteknologi hutan. Tambah beliau, FRIM sejak penubuhannya telah bekerjasama rapat dengan MTIB ketika di bawah Kementerian Perusahaan Utama mahupun ketika diuruskan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sejak 2004.

Jelas beliau, semua aktiviti dan hampir keseluruhan jawatankuasa MTIB termasuk anak syarikat MTIB iaitu Forest Plantation Sdn. Bhd. (FPSB) turut disertai oleh FRIM. Bahkan, katanya, di peringkat Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, FRIM turut memainkan peranan penting dalam memberikan input teknikal yang diperlukan. "Ini menunjukkan FRIM dan MTIB mempunyai kerjasama erat sejak dahulu, dan kerjasama ini akan terus dirapatkan walaupun kini di bawah kementerian yang berbeza," katanya.

25 Jun 2009 (Khamis)

Kontraktor perlu patuhi had, peraturan PBT

TENOM 25 Jun - Majlis Daerah Tenom akan mengenakan tindakan tegas terhadap mana-mana kontraktor yang mengorek tanah di kawasan perkadaran dan memotong bukit secara berlebihan. Jurutera majlis daerah itu, Ir. Annuar Mohammad berkata, semua kontraktor perlu mematuhi had dan peraturan pihak berkuasa tempatan (PBT) walaupun sudah mendapat kelulusan.

"Kontraktor-kontraktor yang sudah mendapat kebenaran jangan sewenang-wenangnya melakukan kegiatan mengorek tanah atau mengorek bukit sesuka hati. "Bagi kerja-kerja tersebut yang masih atau tidak mendapat kelulusan PBT perlu dihentikan serta merta," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kegiatan mengorek tanah dan memotong bukit di kawasan bersebelahan stesen minyak Petronas, Jalan Tenom-Keningau yang menimbulkan keresahan orang

ramai. Aktiviti berkenaan menimbulkan ketidakselesaan penduduk setempat akibat gangguan bising kenderaan besar yang berulang alik dan bunyi jentolak mengorek bukit.

Utusan Malaysia difahamkan, kontraktor terbabit telah menghentikan kerja-kerja itu pada Oktober, tahun lalu selepas menerima notis dari pejabat tanah tetapi aktiviti tersebut dimulakan semula pada Mac lalu. Annuar berkata, PBT akan mendapatkan kepastian dan status sebenar projek tersebut sama ada mendapat kelulusan atau pun tidak.

Beliau tidak menolak kemungkinan kawasan tersebut termasuk dalam kawasan perkadaran dan siasatan akan dilakukan secepat mungkin. Katanya, kerja-kerja itu turut mencemarkan jalan tersebut kerana tanah yang diangkut sering kali tumpah atas jalan raya dan pihak kontraktor langsung tidak membersihkannya. "Lebih teruk lagi ketika musim hujan, jalan berkenaan akan menjadi licin dan ini secara tidak langsung membahayakan pengguna jalan raya di situ," ujarinya.

26 Jun 2009 (Jumaat)

Cukai tertunggak MPT cecah RM5 juta

TEMERLOH 26 Jun - Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) mempunyai cukai tertunggak mencecah RM5 juta berikutan kegagalan pemilik premis dan kediaman melunaskan cukai pintu masing-masing. Yang Dipertua MPT, Datuk Zulkifli Yaakob berkata, sehingga akhir tahun lalu, cukai tertunggak pihak berkuasa tempatan itu berjumlah RM7 juta tetapi MPT berjaya mengutip sebanyak RM2 juta dalam operasi yang dijalankan dua minggu yang lalu.

Sehubungan itu, beliau menggesa pemilik premis perniagaan dan kediaman di kawasan pentadbiran MPT segera membayar cukai pintu yang tertunggak bagi mengelak tindakan mahkamah atau disita. "Kita yakin dapat mengutip sebanyak RM2 juta lagi tunggakan sehingga hujung tahun ini dengan ia menjadikan jumlah keseluruhan kepada RM3 juta," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Zulkifli memberitahu, Mentakab merupakan paling tinggi mempunyai cukai tertunggak kerana kawasan itu terdapat banyak rumah kediaman dan premis perniagaan. Menurutnya, dalam operasi yang dijalankan baru-baru ini, pihaknya berjaya mengutip lebih RM300,000 cukai tertunggak daripada 97 pemilik premis dan kediaman yang gagal melunaskan cukai di Taman Temerloh Jaya di sini. "Bagaimanapun, tiada harta disita dalam operasi itu kerana mereka bersetuju melunaskan tunggakan cukai masing-masing," ujarinya.

Menurut Zulkifli, tindakan mengutip cukai tertunggak itu dijalankan mengikut Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976. "MPT akan meneruskan operasi itu dari semasa ke semasa bagi mengutip tunggakan cukai daripada pemilik premis perniagaan dan kediaman yang masih berdegil. "Ada antara mereka gagal membayar cukai pintu sejak lebih dua tahun lalu dengan nilai tertinggi lebih RM2,000," katanya.

Beliau menjelaskan, cukai yang dikutip itu membolehkan MPT melaksanakan pelbagai projek menaik taraf infrastruktur dan membayar perkhidmatan Alam Flora untuk keselesaan penduduk. "Mereka yang tidak mematuhi arahan ini dianggap sebagai tidak adil kepada pembayar cukai lain kerana MPT memberikan perkhidmatan sama rata kepada semua penduduk," . Beliau menambah, operasi mengutip cukai tertunggak dijalankan selepas pembayar cukai mendapat notis bayaran tunggakan yang dihantar sejak bulan lalu.

28 Jun 2009 (Ahad)

Rumpai laut jadi projek impak tinggi di Sabah

SEMPORNA 28 Jun — Industri rumpai laut akan dijadikan projek berimpak tinggi di Sabah sebagai salah satu langkah kerajaan menambah pendapatan dan meningkatkan taraf hidup nelayan, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Noh Omar. Beliau berkata kawasan seluas 102,000 hektar di Semporna, Lahad Datu, Kudat dan Sandakan sudah dikenal pasti bagi projek berkenaan.

Sebagai permulaan, katanya, seramai 220 peserta akan dipilih untuk menyertai projek tersebut yang akan dimulakan tidak lama lagi. "Kita melihat rumpai laut ini mendapat pasaran yang cukup baik di dalam negara kita. Harganya juga cukup lumayan, permintaannya lebih daripada penawaran dan masih kurang saingan. "Sebab itu, kita mahu jadikan rumpai laut ini projek berimpak tinggi untuk memberi pendapatan baru kepada nelayan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan dialog dengan ahli persatuan nelayan kawasan Lahad Datu, Semporna, Kunak dan Tawau di sini semalam.

Menurut Noh projek berkenaan akan dilaksanakan melalui Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri Sabah khususnya dari segi penyediaan tapak. "Seperti yang kita sedia maklum, hak kelulusan tanah serta memberikan lot-lot untuk usahawan membangunkan kawasan ini adalah dalam bidang kuasa negeri. Peruntukan kita akan berikan," katanya.

Noh berkata melalui kerjasama yang baik antara kerajaan negeri Sabah dan kerajaan persekutuan, usaha menjadikan industri rumpai laut sebagai projek berimpak tinggi di Sabah akan dapat direalisasikan. Mengenai permintaan pengusaha rumpai laut sedia ada di Sabah yang memohon supaya turut dibekalkan diesel dan petrol bersubsidi, Noh berkata perkara itu tidak ada halangan kerana penanam rumpai laut juga mengusahakan sumber laut.

29 Jun 2009 (Isnin)

PKFZ: Tee Keat tolak cabaran debat Kit Siang

KUALA LUMPUR 29 Jun – Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat menolak cabaran Penasihat DAP, Lim Kit Siang untuk berdebat berhubung isu penyelewengan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Tee Keat berkata, beliau tidak akan melayan kerenah Ahli Parlimen Ipoh Timur itu yang dijangka hanya akan memutarbelitkan fakta dalam perdebatan tersebut.

“Kalau hendak berdebat pun, saya harap beliau boleh berdebat dengan kewarasan dan sopan santun. Tindakan memutarbelitkan fakta tidak dapat menyelesaikan isu PKFZ. “Kit Siang boleh membuat dakwaannya sendiri berhubung isu PKFZ, namun ia mungkin akan berakhir dengan suatu situasi yang memalukan dirinya sendiri,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini hari ini.

Sesi sidang Dewan Rakyat pada minggu lalu kecoh dengan gelagat Kit Siang yang mengambil kesempatan kehadiran Tee Keat untuk mengasaknya dengan pelbagai soalan mengenai projek PKFZ. Menurut Tee Keat, hasil siasatan berhubung projek PKFZ telah didedahkan kepada orang ramai melalui laporan Price Waterhouse Coopers Advisory Services Sdn. Bhd. (PwC) pada 28 Mei lalu malah Kit Siang merupakan orang pertama yang mendapatkan maklumat mengenainya.

“Beliau selalu mengungkit perkara yang sama berhubung isu PKFZ sejak tiga tahun lalu meskipun beliau sudah mendapat fakta-fakta yang dikehendakinya. “Kit Siang mungkin masih berada dalam keadaan celaru. Saya rasa beliau kurang faham mengenai fakta-fakta yang didedahkan tersebut,” kata beliau.

30 Jun 2009 (Rabu)

PKFZ: Bayaran ditangguhkan

Oleh Nor Sedek Ismail pengarang@utusan.com.my

KLANG 30 Jun - Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang (PKA) mengambil keputusan untuk menangguhkan semua pembayaran berjumlah RM660 juta yang sepatutnya dibayar balik kepada pemaju utama Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Demensi Sdn. Bhd. Mengikut perjanjian yang dipersetujui, PKA akan membayar sebanyak empat kali dari Jun hingga Julai dengan dua pembayaran pertama berjumlah RM360 juta perlu dijelaskan pada hari ini. Bagaimanapun Pengerusi PKA, Datuk Lee Hwa Beng berkata, Ahli Lembaga Pengarah PKA yang bermesyuarat hari ini memutuskan supaya pembayaran tersebut ditangguhkan.

Menurutnya, keputusan itu diambil kerana pasukan khas yang ditubuhkan untuk menyiasat perkembangan dan kemajuan di PKFZ hanya dapat menyelesaikan tugas-tugas mereka pada Ogos depan. "Tindakan ini diambil selepas mengambil kira kepentingan PKA." Ia juga sejajar dengan usaha Kementerian Pengangkutan untuk menstruktur semula

kewangan PKFZ serta mendapatkan pandangan undang-undang yang melibatkan beberapa perjanjian yang ditandatangani sebelum ini," katanya pada sidang akhbar di sini.

Turut hadir ialah Ketua Pasukan Khas tersebut, Vinayak Pradhan dan seorang lagi peguam dari firma Skrine yang dilantik menganggotai pasukan itu, Lee Chee Wee. Bagaimanapun, Hwa Beng menegaskan, tindakan penangguhan pembayaran itu tidak bermakna PKA tidak mempunyai wang untuk menjelaskannya kerana Kementerian Kewangan sudah menyediakan peruntukan kewangan untuk tujuan berkenaan. "Tetapi penangguhan bayaran itu dibuat atas keputusan mesyuarat. Kita sedar tindakan ini membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap PKA. "Bagaimanapun, jika ia berlaku, PKA akan mempertahankan tindakan ini dan bersedia dengan semua kemungkinan tersebut," ujarnya.

Namun, Hwa Beng berkata, beliau tidak boleh mendedahkan hasil siasatan awal pasukan khas tersebut sehingga ia selesai dan diserahkan kepada kementerian berkenaan pada Ogos nanti.